

18 FEB 2001

Mahathir-patriotisme

PATRIOTISME PENTING PERTAHANKAN KEMERDEKAAN, KATA DR MAHATHIR

SHAH ALAM, 18 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu generasi muda terus memupuk semangat patriotisme bagi menyediakan diri untuk menjadi pewaris negara ini.

Beliau berkata hanya berbekalkan semangat patriotisme yang kukuh dan ilmu pengetahuan yang tinggi, mereka dapat mempertahankan negara dari pelbagai serangan, apabila tiba masanya mereka mengambil alih pengurusan negara ini kelak.

Jika semangat cintakan negara sudah luntur mudahlah bagi orang luar menghasut generasi akan datang supaya bersubahat untuk menghapuskan kemerdekaan dan kebebasan negara, katanya ketika berucap di hadapan 15,000 orang, yang rata-rata terdiri daripada belia pada Perhimpunan Patriotisme Alaf Baru di Stadium Malawati di sini.

"Sekarang ini pun ada usaha supaya kita lupakan negara dan bangsa kita, dan menerima diri kita sebagai penduduk dunia, katanya pada majlis yang dianjurkan oleh Majlis Belia Malaysia (MBM).

Dr Mahathir mengakui bahawa mungkin sukar bagi generasi muda memahami apa yang sedang berlaku di dunia sekarang, dengan negara yang kuat menekan yang lemah, termasuk melalui konsep globalisasi dan dunia tanpa sempadan.

"Di alaf baru ini telah diperkenalkan semangat baru yang boleh menghakis semangat patriotisme iaitu dunia tanpa sempadan," katanya.

Dr Mahathir berkata ia akan menyebabkan negara menjadi hanya sebuah daerah di dunia dan pada ketika itu sukar untuk memupuk semangat patriotisme pada sebuah negara yang tidak lagi wujud.

"Hari ini ada rakyat Malaysia yang menerima bahawa mereka ialah warganegara dunia dan sanggup menyuruh orang asing menindas kita kerana sebab-sebab tertentu.

"Inilah bukti semangat cinta negara sudah terhakis dan jika tidak dipupuk semangat patriotisme di kalangan belia, kita akan hilang identiti kebangsaan kita," katanya.

Dr Mahathir berkata semua rakyat perlu sedar bahawa Malaysia akan hancur jika konsep globalisasi diterima bulat-bulat dan rakyat tidak lagi mempunyai semangat taat kepada negara.

"Percayalah, tidak ada siapa yang akan membela kita bila kita tidak lagi menjadi sebuah negara. Mereka (orang asing) hanya inginkan kekayaan kita untuk diri mereka sendiri," katanya lagi.

Perdana Menteri turut melahirkan kebimbangan, selain ancaman globalisasi, kini wujud pula ancaman budaya asing terhadap budaya negara yang berteraskan nilai-nilai hidup yang murni.

Menurutnya, serangan budaya asing ini yang mengutamakan keseronokan, keganasan dan moral yang rendah dibuat melalui pelbagai bentuk media termasuk Internet dan lagu-lagu yang didengar oleh anak-anak.

Dr Mahathir memberikan contoh bagaimana seorang penyanyi "rap" asing mendengarkan lagunya dengan lirik, yang antara lain menggalakkan pelakuan ganas seperti membunuh.

"Sebab itulah ramai orang kita terlibat dengan jenayah, seperti merogol dan membunuh serta jenayah lain yang kita di zaman dulu tidak pernah terfikir akan berlaku. Ini ialah kerana kita terdedah dengan budaya asing," katanya.

Dr Mahathir berkata malangnya asakan budaya asing yang kotor ini sukar disekat sehingga ia boleh menjurus kepada rakyat terutamanya golongan muda membelakangkan budaya Malaysia sendiri.

"Tak ada cara berkesan untuk kerajaan menyekat kekotoran yang datang menerusi Internet, CD, kaset dan sebagainya. Hanya kita sendiri yang mampu menolak pengaruh buruk ini. Jadi amat penting sekali dipupuk semula budaya kita...dan membangunkan benteng moral yang mulia," katanya.

Selain itu, Dr Mahathir menekankan pentingnya rakyat mempunyai keyakinan terhadap kebolehan diri sendiri kerana inilah yang membolehkan rakyat Malaysia mencapai sesuatu yang luar biasa termasuk mendaki Gunung Everest dan belayar mengelilingi dunia secara solo.

"Ini menunjukkan mereka bukan sahaja boleh tetapi berani. Inilah rakyat Malaysia alaf baru. Kalau kita ada semangat patriotik, kita boleh capai apa yang dibuat oleh orang asing, termasuklah dalam bidang penerokaan ilmu," katanya dengan disambut dengan tepukan gemuruh.

Perhimpunan hari ini yang disertai 77 pertubuhan bukan kerajaan dan persatuan berteraskan belia, turut dihadiri isteri perdana menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Besar Selangor Datuk Mohamed Khir Toyo dan presiden MBM Saifuddin Abdullah.

Ia diserikan dengan nyanyian penuh bersemangat beberapa lagu patriotik oleh sebuah koir yang dianggotai 2,020 anggota, terdiri daripada pelajar maktab dan sekolah di sekitar Lembah Klang.

Persembahan mereka diiktiraf oleh "Malaysia Book of Records" bagi kategori koir patriotisme teramai.

Sementara itu, Saifuddin dalam ucapannya berkata usaha untuk meniupkan semangat patriotisme itu akan dibawa oleh MBM ke seluruh negara dan segenap lapisan masyarakat.

-- BERNAMA

MAM ZS RI